

BAB 2

DAKWAH TERHADAP SAUDARA BARU

2.1 Pendahuluan

Bab ini membicarakan beberapa topik dan teori yang berkaitan dengan dakwah terhadap saudara baru. Bab ini membicarakan mengenai definisi dakwah dan saudara baru. Berikutnya turut memfokuskan mengenai pendekatan dakwah terhadap saudara baru dan faktor-faktor pemeluk Islam dalam kalangan saudara baru. Seterusnya dikemukakan masalah-masalah yang dihadapi oleh saudara baru, saudara baru dan undang-undang serta kesimpulan.

2.2 Definisi Dakwah

Kalimah dakwah adalah berasal istilah bahasa Arab iaitu (عودة), ia mempunyai pelbagai definisi. Istilah ini diambil daripada kata dasar da‘ā (دعا) dan yad‘u (يدعو) yang bererti seruan dan ajakan. Oleh demikian, dakwah bermaksud tindakan, perbuatan dan pertuturan untuk menarik minat manusia dengan seruan Islam.¹ Dalam al-Quran, terdapat ayat-ayat yang menyentuh mengenai makna dakwah sebagai satu ajakan dan seruan seperti dinyatakan dalam surah Yūnus (10):25, yang menyeru manusia ke negeri yang selamat di akhirat nanti iaitu syurga. Dalam surah al-Nahl (16):125 pula menyatakan panduan kepada manusia bagaimana metod asas untuk menyeru manusia ke jalan Allah SWT dan dalam surah Yūsuf (12): 108 pula menerangkan mengenai seruan kepada Allah SWT dengan menggunakan hujah yang nyata. Daripada contoh ayat-ayat tersebut

¹ Jamāl al-Dīn Abū al-Fadl Muḥammad b. Mukram al-Khazradjī al-Afriqī Ibn Manzūr (1996), *Lisān al-Arab*, Beirut: Dār al-Ihyā’ al-Arabī Juz. 1, h. 408.

yang membicarakan perihal dakwah, dapat disimpulkan bahwa dakwah adalah seruan daripada Allah SWT.

Menurut *Kamus Dewan*, dakwah didefinisikan sebagai kegiatan menyeru dan meyakinkan orang lain supaya menerima sesuatu kepercayaan. Manakala berdakwah pula ialah menjalankan kegiatan menyebarkan sesuatu kepercayaan.² Begitu juga di dalam *Kamus Besar Bahasa Indonesia* pula mendefinisikan dakwah sebagai seruan untuk memeluk, mempelajari dan mengamalkan ajaran Islam.³ Demikian lagi di dalam bahasa Inggeris, dakwah diterjemahkan sebagai *call*, *appeal* dan *invitation*.⁴ Menurut *Kamus Dwibahasa*, *call* bermaksud panggilan dan seruan. Adapun *appeal* bermaksud menarik hati dan memikat hati. *Invitation* pula bermaksud jemputan, undangan dan pelawaan.⁵

Ab. al-Karīm Zaidan mendefinisikan dakwah sebagai seruan dan ajakan ke jalan Allah SWT iaitu agama yang diturunkan oleh Allah SWT kepada nabi Muḥammad SAW dan sekalian manusia.⁶ Mu‘jam al-Wasīṭ pula, mendefinisikan dakwah sebagai menyeru kepada yang lain.⁷ Manakala dalam *Lisān al-Arab* pula mendefinisikan dakwah dengan pelbagai pengertian seperti melaungkan, mengajak, menyeru dan lain-lain lagi.⁸

Menurut Aḥmad Ghalwāsī dalam bukunya *al-Da‘wah al-Islāmiyyah*, beliau membincangkan definisi dakwah dari dua sudut iaitu, dengan makna penyebaran dan dengan makna agama Islam. Dakwah dengan makna penyebaran ialah satu ilmu yang mengandungi di dalamnya cara-cara untuk menyampai dan menyebarkan Islam

²Kamus Dewan (2005), *Kamus Dewan*, c. 4, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 305.

³Kamus Besar Bahasa Indonesia (1995), *Kamus Besar Bahasa Indonesia*, c. 2, Jakarta: Penerbit Balai Pustaka, h. 205.

⁴H. Anthony Salmone (1972), *An Advanced Learners Arabic-English Dictionary*, Beirut: Libraire Du Liban, h. 283.

⁵Kamus Dwibahasa (1999), *Kamus Dwibahasa*, c. 13, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 55, 159 & 652.

⁶Ab. al-Karīm Zaidan (1987), *Usul al-Da‘wah*, Mesir: Mua’sasah Dār al-Wafā’, h. 5.

⁷Ibrāhīm Muṣṭafā (1989), *Mu‘jam al-Wasīṭ*, Istanbul: Mua’sasah Saqāfah lil Ta’līf wa Ṭaba‘ah wa Nasyr wa Tawzi’, h. 289.

⁸Abū al-Faḍl Jamāl al-Dīn Muḥammad bin Mukram Ibnu Manẓūr al-Afriqī al-Miṣrī (1968), *Lisān al-Arab*, j. 14, Beirut: Dār al-Ṣādir, h. 260.

melalui kaedah dan teknik tertentu sama ada berbentuk lisan atau bukan lisan dengan tujuan untuk memudahkan pelaksanaan penyampaian dan penyebaran tersebut. Manakala dakwah dengan makna agama Islam, beliau membahagikannya kepada tiga. Pertama, ialah tunduk dan patuh kepada Allah SWT serta patuh kepada perintahnya. Kedua, dakwah Islam ialah agama yang diredai Allah SWT dan segala ajaranNya diturunkan sebagai wahyu kepada Rasulullah SAW yang terdapat di dalam al-Quran. Ketiga, dakwah Islam ialah peraturan am dan undang-undang yang menyeluruh bagi segala urusan kehidupan manusia untuk disampaikan kepada seluruh manusia.⁹

Merujuk definisi dakwah yang diberikan oleh intelektual Islam dan sarjana tempatan dalam bidang dakwah, tiada perbezaan ketara dengan apa yang telah disebutkan di atas. Contohnya, Abdullah Md. Zin menjelaskan mengenai definisi dakwah sebagai suatu usaha atau proses menyeru dan mengajak kepada sesuatu, yang bermaksud apabila disebut dakwah Islam secara langsung membawa maksud suatu usaha atau proses menyeru dan mengajak manusia kepada Islam.¹⁰

Merujuk pula definisi dakwah yang dinyatakan oleh Ab. Aziz Mohd. Zin di dalam bukunya *Pengantar Dakwah Islamiah*, beliau menjelaskan bahawa dakwah Islam bukanlah semata-mata laungan yang tidak menentu, tetapi ia merupakan seruan yang terancang dan kemas. Menurutnya lagi, dakwah bukanlah semata-mata mengajar ilmu yang diturunkan melalui wahyu atau disebut ilmu agama, tetapi ia juga mengandungi ilmu-ilmu yang memberi faedah kepada kehidupan di dunia. Jelasnya lagi, dakwah bukan semata-mata mengajak manusia kepada agama Islam, tetapi ia mesti disertakan dengan uslub dan tatacara yang baik bagi mempengaruhi orang

⁹Ahmad Ghalwāsy (t.t), *al-Da'wah al-Islāmiyyah*, Kaḥerah: Dār al-Kitāb al-Misr, h. 10.

¹⁰Abdullah Md. Zin (1998), *Prinsip dan Kaedah Dakwah Dalam Arus Pembangunan Malaysia*, Bangi: Penerbit UKM, h. 74.

yang diajak. Oleh demikian, dakwah bukanlah bererti agama itu sendiri, tetapi usaha untuk membawa manusia kepada agama tersebut.¹¹

Dalam konteks definisi dakwah, Ab. Aziz Mohd. Zin membahagikan kepada enam maksud, pertama dakwah membawa maksud ajakan dan seruan. Ia bertujuan untuk mengamalkan ajaran Islam. Kedua, dakwah diertikan sebagai penyebaran ajaran Islam supaya penganutnya menghayati ajaran tersebut. Ketiga, dakwah yang diertikan sebagai satu ilmu, mengandungi perkara-perkara berkaitan dengan dakwah Islam seperti ilmu metodologi dakwah yang mengandungi kaedah-kaedah dakwah yang sesuai untuk sasarannya, ilmu berkaitan dengan pendakwah dan organisasi dakwah. Keempat, dakwah bermaksud sebagai satu program yang mempunyai perancangan yang teliti dalam usaha menarik orang ramai kepada jalan Islam. Kelima, dakwah bermaksud usaha membantu manusia kepada kehidupan sempurna dan sejahtera di dunia dan akhirat dengan merangka pembangunan negara dan masyarakat seimbang dari aspek jasmani dan rohani. Keenam, dakwah membawa maksud amar makruf dan nahi mungkar, iaitu dakwah yang mengajak kepada melakukan kebaikan dan mencegah melakukan perkara-perkara yang mungkar.¹²

Berdasarkan penjelasan definisi-definisi dakwah di atas, jelas menunjukkan bahawa dakwah Islam adalah tanggungjawab yang besar iaitu satu kegiatan atau seruan bagi tujuan membawa manusia ke arah kebahagiaan, keadilan, kemakmuran, kesejahteraan yang matlamat akhirnya mencapai keredaan Allah SWT di dunia dan kebahagiaan di akhirat.

¹¹Ab. Aziz Mohd. Zin (1997), *Pengantar Dakwah Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 4.

¹²*Ibid*, h. 4, 5.

Namun, ia harus dilakukan dengan berhati-hati mengikut metode-metode atau panduan yang telah digariskan di dalam Islam. Walau bagaimanapun, terdapat masalah dan cabaran yang dihadapi oleh pendakwah, namun jika masing-masing sedar akan tanggungjawab untuk bergerak secara bersama dan jujur, yang dilakukan dalam suatu bentuk yang sesuai, dakwah akan terus menempah kejayaan.

2.3 Definisi Saudara Baru

Saudara baru ialah satu istilah yang lumrahnya diguna di Malaysia dan satu kebiasaan di pendengaran masyarakatnya. Saudara baru merupakan sinonim daripada golongan bukan Islam dan kemudian mereka memeluk Islam. Istilah ini, menunjukkan wujudnya pertalian atau ikatan persaudaraan yang erat apabila seseorang itu memeluk Islam.¹³ Ini kerana saudara baru menurut *Kamus Dewan* membawa maksud orang yang mempunyai hubungan kekeluargaan dan juga kawan atau sahabat.¹⁴

Dalam al-Quran pula saudara baru disebut dengan perkataan *mu'allaf* dan dalam bahasa Inggeris dipanggil sebagai “*new convert*”. Namun begitu, penggunaan istilah tersebut sebenarnya tidak ditekankan oleh Islam kerana Islam menganggap semua penganutnya adalah bersaudara apabila mereka berpegang kepada akidah yang sama tanpa mengira sama ada mereka baru memeluk Islam atau sebaliknya.¹⁵

Menurut Akta Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan Seksyen 86 telah menetapkan bahawa seseorang yang telah memeluk Islam hendaklah dipanggil dengan mualaf. Akta tersebut berbunyi:

¹³ Fa'izah Pajjalah (2004), *Persepsi Saudara Baru Tentang Penerimaan Masyarakat Islam Terhadap Mereka, Kajian Kes di Darul Ukhuwah, Johor Baharu*, Johor: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia, h. 1.

¹⁴ Teuku Iskandar (1992), *Kamus Dewan*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 112.

¹⁵ Yusri Abu (2004), *Kefahaman Akidah di Kalangan Saudara Baru*, Kuala Lumpur: Kajian tesis Universiti Malaya, h. 139.

“Seseorang itu masuk Islam dan menjadi seorang Islam sebaik-baiknya sahaja dia habis mengucap dua kalimah syahadah dengan syarat bahawa kehendak-kehendak seksyen 85 adalah dipenuhi, dan orang itu hendaklah selepas itu disebut sebagai mu'allaf”.¹⁶

Dari itu, ternyatalah peruntukan tersebut secara rasmi dari sudut undang-undang terhadap golongan yang baru memeluk Islam adalah *mu'allaf* (saudara baru).

Oleh demikian, ia selari dengan pegangan al-Syāfi'ī yang berpendapat bahawa golongan *mu'allaf* hanyalah tertentu kepada orang yang baru memeluk Islam dan tidak termasuk golongan yang kafir. Dalam hal ini, beliau turut menyatakan dalil bahawa baginda Rasulullah SAW tidak pernah memberikan zakat kepada kaum musyrikīn di dalam peperangan *Hunayn*, namun terdapat pemberian dari Rasulullah SAW dari peperangan tersebut adalah daripada harta *fay*.¹⁷

Namun demikian, beberapa ulama mufasirin seperti Ibn Kaṭṭhīr,¹⁸ al-Qurṭubī¹⁹ dan al-Ṭabarī²⁰ membahagikan *mu'allaf* kepada dua golongan iaitu Muslim dan *non-Muslim*. *mu'allaf* dalam kalangan orang kafir ialah golongan yang diharapkan keislaman mereka dan *mu'allaf* dalam kalangan orang Islam ialah golongan yang baru memeluk Islam serta diperuntukkan zakat kepada mereka dengan tujuan untuk menambahkan keyakinan dan pegangan mereka terhadap Islam walaupun mereka sudah mempunyai kekayaan.²¹ Pandangan ini, disokong oleh ulama semasa seperti Yūsuf al-Qaradawī dan Waḥbah al-Zuḥaylī.²²

¹⁶Wilayah Persekutuan (1993), *Undang-undang Malaysia Akta 505, Akta Pentadbiran Undang-undang Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit JAWI, h. 48.

¹⁷Al-Syāfi'ī, Muḥammad bin Idrīs, (1993), *Al-Umm*. Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, j. 2, h. 94.

¹⁸Ibn Kaṭṭhīr (1996), *Tafsīr al-Qur'an al-Azīm*, c. 4. Beirut: Dār al-Khayr, h. 332.

¹⁹Muḥammad Aḥmad al-Qurṭubī (1967), *Tafsīr al-Qurṭubī*, j. 8. Qāhirah: Dār al-Kutub al-Arabiyyah, h. 3018.

²⁰Al-Ṭabarī, Muḥammad Jarīr (1999), *Tafsīr al-Ṭabarī*. c. 3, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, h. 3018.

²¹*Ibid.*, h. 399.

²²Waḥbah al-Zuḥaylī (1989), *al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh*, Damsyiq: Dār al-Fikr, c. 3, juz. 2, h. 871; Yūsuf al-Qaradawī (2000), *Fiqh al-Zakāh*. c. 24, j. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, h. 596.

Berdasarkan penjelasan tersebut, pengkaji agak cenderung kepada pendapat yang kedua iaitu *mu'allaf* adalah terdiri daripada Muslim dan juga kafir. Namun, apabila dirujuk kepada istilah saudara baru dalam konteks kajian ini, ia merujuk kepada orang-orang yang baru memeluk Islam. Adapun perkataan *mu'allaf* sudah jarang digunakan kerana ia menjadi isu dan rasa tidak puas hati dalam kalangan saudara baru terhadap gelaran tersebut kerana dianggap menjadi jurang di antara masyarakat Islam sedia ada dengan mereka, tambahan pula gelaran ini tidak dihadkan tempoh atau jangka masa tertentu kerana ia tidak dinyatakan dalam Perlembagaan Persekutuan iaitu Akta Pentadbiran Undang-undang Islam.

Dalam hal ini, timbul persoalan iaitu apakah panggilan ini berkekalan atau hanya untuk jangka masa tertentu sahaja. Bahkan gelaran ini kadang-kadang menimbulkan rasa kurang senang terutamanya golongan yang baru menganut Islam kerana seolah-olah wujud pembezaan antara saudara baru dengan umat Islam yang asal.

Menurut Muara Osman, gelaran ini apabila tidak ada tempoh atau jangka masa tertentu ia menjadi lebih ketara, pandangan ini dinyatakan oleh beliau ketika membentangkan kertas kerjanya pada tahun 1989 dengan katanya;

*“... kami yang baru memeluk Islam dipanggil ‘Muslim converts’. Kami sesungguhnya merasai bahawa sesungguhnya panggilan ini kami diberi takrif dan kedudukan yang agak sepi di dalam masyarakat Islam keseluruhannya. Segala kata-kata, gerak langkah dan gerak geri kami dalam menghadapi masalah dan cabaran hidup harian dipandang serong dan mencurigakan... Kami sentiasa tertanya-tanya mengapakah masyarakat Islam memberikan lambangan ‘Muslim converts’ sebagai identifikasi untuk dipakai berterusan sepanjang hayat kami.... apakah ini bertujuan menyatakan yang kami bukannya orang-orang Islam yang sebenarnya ataupun diiktiraf sebagai orang Islam kelas kedua”.*²³

²³Muara Osman (1989), “Masalah dan Cabaran yang Dihadapi oleh Mereka yang Dipanggil Muslim Convert”, (Kertas kerja seminar dakwah saudara-saudara baru di Pusat Islam, Kuala Lumpur, 7 November 1989), h. 6.

Hal ini mendapat perhatian dari Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), maka JAKIM mengeluarkan suatu garis panduan mengenai penamaan gelaran tersebut. Menurut garis panduan yang telah diputuskan berikut ialah istilah saudara baru diganti dengan “saudara kita” kerana istilah ini mengandungi maksud persamaan sesama Muslim, bertujuan untuk mengelakkan perasaan terasing yang wujud di dalam hati mereka yang baru menganut Islam.²⁴

Bagi istilah saudara baru, istilah ini masih digunakan oleh beberapa institusi dakwah antaranya Jabatan Agama Islam Wilayah (JAWI), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan Islamic Outreach ABIM (IOA). Adapun Islamic Outreach ABIM (IOA) memanggil saudara baru sebagai “*new convert*” untuk memudahkan dalam urusan-urusan tertentu sahaja seperti di dalam mesyuarat, seminar dan lain-lain lagi.²⁵

Menurut Yūsuf al-Qarāḍawī, mu’alaf atau saudara baru bukanlah bersifat tetap atau sepanjang masa, tetapi akan hilang kelayakan *mu’alaf* setelah ciri-ciri *mu’alaf* hilang pada diri mereka. Beliau juga mengambil iktibar daripada kisah khalifah sayyidina ‘Umar al-Khaṭṭāb yang tidak memberikan zakat kepada golongan *mu’alaf* yang diberikan zakat pada zaman Raslullah SAW. Menurutnya lagi, ciri-ciri *mu’alaf* akan hilang sekiranya sudah tiada ‘illah, beliau berpendapat bahawa pemerintah adalah bertanggungjawab untuk menentukan sama ada seseorang *mu’alaf* itu masih lagi layak dipanggil *mu’alaf* atau tidak.²⁶

²⁴Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (1998), “*Garis Panduan Penamaan Saudara Baru*”, Kuala Lumpur, h. 3.

²⁵Temu bual dengan En. Shahrān Kasim, Setiausaha Agung ABIM Pusat, 17 Mei 2009, jam 4.00 petang, di Ampang Hilir 2, Selangor Darul Ehsan.

²⁶Yūsuf al-Qarāḍawī (2000), *Fiqh al-Zakāh*. c. 24, j. 2, Beirut: Muassasah al-Risālah, Damsyiq: Dār al-Fikr, h. 598.

Adapun istilah saudara baru adalah perkataan yang sering digunakan secara meluas apabila dirujuk kepada golongan ini. Bahkan terdapat pelbagai reaksi masyarakat terhadap penggunaan istilah tersebut. Terdapat dalam kalangan anggota masyarakat yang tidak menyukainya dan tidak bersetuju dengan pemakaian istilah ini kerana istilah ini hanya meletakkan golongan tersebut di lapisan kedua dalam kedudukan masyarakat Muslim.²⁷

Namun begitu, terdapat juga anggota masyarakat yang bersetuju dengan pemakaian istilah ini dengan sebab-sebab tertentu. Walau apa pun persepsi dan reaksi masyarakat terhadap istilah ini, yang nyata ialah golongan ini merupakan aset penting dalam konteks dakwah Islam di Malaysia secara amnya dan dalam masyarakat Muslim secara khasnya.²⁸

Justeru itu, Islam tidak menekan gelaran atau istilah tertentu diberikan kepada golongan tersebut, bahkan Islam tidak membezakan darjat atau kedudukan di antara golongan yang baru memeluk Islam dan golongan yang telah lahir dalam keadaan Islam, yang membezakan mereka ialah takwa sepertimana Baginda SAW bersabda ketika masyarakat Mekah dalam keadaan *Jāhiliyyah*;²⁹

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قِيلَ يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ أَكْرَمُ النَّاسِ قَالَ أَكْرَمُهُمْ
أَتْقَاهُمْ فَقَالُوا لَيْسَ عَنْ هَذَا نَسَأَلُكَ قَالَ يَوْسُفُ نَبِيِّ اللَّهِ ابْنُ خَلِيلِ اللَّهِ
قَالُوا لَيْسَ عَنْ هَذَا نَسَأَلُكَ قَالَ فَعَنْ مَعَادِنِ الْعَرَبِ تَسَاءَلُونِي حَيَارِكُمْ فِي الْجَاهِلِيَّةِ
حَيَارِكُمْ فِي الْإِسْلَامِ إِذَا فَفَعُوهُ³⁰

²⁷ Fariza Md. Sham *et. al* (2006), *Dakwah dan Kaunseling di Malaysia*, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 118.

²⁸ *Ibid.*

²⁹ Lihat Yusri Abu (2004), h. 148.

³⁰ Al-Bukhārī, Muḥammad Ismā'īl (t.t), *Sahīh Bukhārī. Kitāb al-Ḥādīs al-Anbiyā'*, Bab Firman Allah Surah Ali-Imrān Ayat 165, no. Hadith: 2353. h. 238.

Ertinya: “Ditanya, *Ya Rasullah*, siapakah semulia-mulia manusia? Baginda bersabda semulia-mulia mereka ialah yang paling bertakwa di dalam mereka. Sahabat berkata, bukannya itu yang kami pinta daripada kamu, baginda bersabda nabi Allah Yusuf bin nabi Allah bin nabi Allah bin Khalil Allah. Sahabat berkata, bukannya itu yang kami pinta daripada kamu, baginda bersabda apakah daripada khazanah Arab kamu menyoal aku sebaik-baik kamu pada masa *Jāhiliyyah* ialah sebaik-baik kamu dalam Islam sekiranya kamu mengetahui (mengenai Islam)”.

Namun begitu, penggunaan istilah saudara baru atau *mu'allaf* adalah dirujuk kepada firman Allah SWT iaitu *al-Mu'allafah Qulūbuhum* yang bermaksud orang yang dijinakkan hatinya.³¹

Adapun istilah ini, lebih khusus kepada golongan yang baru memeluk Islam, yang mula muncul sejak awal tahun 1970-an setelah gerakan dakwah yang disebarkan mula mendapat sambutan dari kalangan orang Melayu.³²

Kesimpulannya, pelbagai definisi saudara baru dinyatakan di atas, namun dalam konteks istilah ini lumrahnya ia diguna pakai di Malaysia dan satu kebiasaan di pendengaran masyarakatnya dan sinonim dengan kemasukan golongan *non-Muslim* ke dalam Islam. Istilah ini juga menunjukkan wujudnya pertalian atau ikatan persaudaraan yang erat apabila golongan tersebut memeluk Islam.

2.4 Pendekatan Dakwah Terhadap Saudara Baru

Pendekatan dakwah terhadap saudara baru dapat dikenal pasti melalui beberapa bentuk (kaedah), seperti berikut:

³¹ Zakaria Stapa (1998), “*Pemantapan Akidah Saudara Baru*” (Seminar Penghayatan Islam Saudara Baru II di Universiti Kebangsaan Malaysia, 7 November 1998), h. 3.

³² *Ibid.*

a. Dakwah Melalui Perbualan/Perbincangan

Dakwah melalui perbualan atau perbincangan perlu diambil perhatian oleh pendakwah melalui beberapa tahap iaitu:³³

- i. Pendakwah mestilah mewujudkan suasana kemesraan yang erat. Ketika berada di tahap ini, pendakwah tidak perlu lagi menyentuh persoalan agama, tetapi cukup sekadar memilih tajuk perbualan yang menyentuh perkaitan kehidupan harian mereka. Tahap ini memerlukan sedikit masa tetapi ia merupakan suatu metode dan pendekatan dakwah yang baik khususnya kepada saudara baru untuk mendekatkan mereka dengan agama Islam.
- ii. Pendakwah mestilah menarik perbualan kepada ke arah isu agama dan memperkenalkan apakah yang dimaksudkan dengan agama Islam dan ajarannya. Pendakwah juga harus memberi masa kepada golongan sasaran untuk berfikir dan membuat analisis mengenai agama Islam.
- iii. Pendakwah hendaklah memfokuskan intipan perasaan terhadap agama atau tidak. Ia boleh dikesan melalui perbualan secara tidak langsung.
- iv. Pendakwah hendaklah meninjau pandangan atau persepsi mereka terlebih dahulu mengenai perkara-perkara yang berkaitan dengan perbincangan mengenai Islam.
- v. Apabila ternyata minat mereka untuk mengenali Islam ataupun terdapat tanda-tanda mereka cenderung untuk memeluk Islam, pendakwah hendaklah memaklumkan kepada pihak yang bertanggungjawab seperti

³³Gafar Hj. Don, Berhanududin Abdullah dan Zulkiple Ad. Gani, *et. al* (2000), *Pendekatan Dakwah Kepada Saudara Baru di Malaysia* (Ed), *Dakwah dan Pengurusan Islam di Malaysia*, Selangor: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 123.

majlis agama Islam negeri, PERKIM dan lain-lain lagi untuk membuat lawatan dan mengadakan penerangan khas.³⁴

Selain itu, perkara-perkara utama yang perlu diberi perhatian oleh pendakwah ialah menghilangkan kesamaran dalam asas kepercayaan dan keagamaan. Ia merupakan pendekatan terpenting yang biasa digunakan khususnya kepada saudara baru yang menganut kepercayaan Animisme, Buddha dan lain-lain lagi. Metode ini memfokuskan perbincangan yang menjalankan bahawa tuhan itu tidak ramai. Jika tuhan itu ramai, nescaya berlakulah pergaduhan dan perebutan sesama sendiri untuk menguasai pihak lain. Justeru, dakwah melalui perbualan atau perbincangan adalah amat penting kerana ia dapat melancarkan dakwah dengan lebih baik dan cemerlang.

b. Dakwah Bil al-Ḥāl

Dakwah bil al-Ḥāl adalah dakwah melalui contoh teladan yang baik. Ia menjadi modul kepada kemuliaan dan keagungan Islam. Setiap perilaku dan amalan harian para pendakwah dan umat Islam mencerminkan kesucian Islam yang menjamin kesejahteraan dan ketenteraman sejagat. Setiap tindakan yang dilakukan oleh mereka akan dilihat oleh saudara baru untuk dinilai.³⁵ Justeru, segala tindakan dan tingkah laku mestilah berasaskan nilai-nilai akhlak mulia, pegangan tauhid, mengikut syariat Islam dan berpandukan ajakan kesempurnaan Islam.³⁶

³⁴*Ibid*, h. 82-86.

³⁵Ab. Aziz Mohd Zain (2001), *Metodologi Dakwah*, Kuala Lumpur, Penerbit: Universiti Malaya, h. 12.

³⁶ Berhanududin Abdullah (1998), *Dakwah Keluar Kepada Masyarakat Non-Muslim*, *Dakwah Kepada Non-Muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*, Bangi, penerbit: Jabatan Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia, disusun oleh Berhanududin Abdullah, Ab. Gafar Hj. Don, Zulkiple Ad. Gani, h. 48.

c. Dakwah Melalui Pergaulan

Islam menuntut umatnya supaya mewujudkan suasana pergaulan yang baik dan harmoni. Para pendakwah dan masyarakat Islam harus mengetahui keadaan suasana dan latar belakang sasarannya terlebih dahulu sebelum melaksanakan proses dakwah. Hal ini amat penting kerana untuk mencapai matlamat dakwah tersebut.³⁷ Oleh demikian, dakwah ini haruslah ditunjukkan dengan bersikap benar, jujur, amanah, manis muka, peramah, berfikiran terbuka dan lain-lain lagi.

d. Dakwah Melalui Ziarah

Dakwah melalui ziarah merupakan satu usaha untuk mendampingi diri dengan sasaran iaitu saudara baru. Islam amat menggalakkan umatnya melakukan ziarah menghubungkan silaturahim, ketika sakit, kenduri, membantu mereka yang memerlukan pertolongan dan sebagainya.³⁸ Oleh demikian, dakwah dengan cara ini dapat merapatkan lagi hubungan yang telah terjalin dan inilah masa yang terbaik untuk melaksanakan tugas-tugas dakwah kerana dalam diri mereka sudah ada kepercayaan, senang berurusan, mudah menerima kehadiran dan lain-lain lagi.

e. Dakwah Melalui Pembinaan Hubungan

Dakwah melalui pembinaan hubungan adalah untuk melahirkan perasaan saling mempercayai satu sama lain dan terpaat perasaan mahabbah di antara mereka serta melenyapkan perasaan curiga, syak wasangka terhadap pendakwah dan masyarakat Islam.³⁹ Sehubungan dengan itu, peluang untuk menyampaikan seruan yang dituntut

³⁷*Ibid*, h. 48-49.

³⁸*Ibid*, h. 49.

³⁹Ab. Aziz Mohd Zain, *op. cit.* h. 222-223.

(dakwah) terbuka seluas-seluasnya untuk menjelaskan perkara-perkara yang sebenar kepada mereka sama ada dari sudut akidah mahupun syariah. Dalam hal ini, kepercayaan memainkan peranan penting dalam mempengaruhi sasarannya.

f. Program Khidmat Masyarakat

Program ini adalah untuk mengembangkan syiar Islam dan meningkatkan kefahaman serta pendedahan terhadap pengetahuan ajaran Islam yang tepat melalui pelaksanaan program tersebut yang berkesan dan konsisten ke arah melahirkan masyarakat yang beriman, berakhlak mulia, progresif dan berdaya saing.⁴⁰ Program ini diadakan adalah untuk membantu golongan yang memerlukan bantuan, dalam masa yang sama ia dapat memikat sasarannya di atas perkhidmatan tersebut antaranya ialah mereka yang keuzuran, sakit, terlalu miskin, mereka yang ditimpa bencana dan lain-lain lagi.⁴¹ Oleh demikian, program ini memainkan peranan besar dalam menyampaikan dakwah Islam kepada masyarakat khususnya saudara baru.

g. Pemberian Hadiah

Konsep pemberian hadiah di dalam dakwah, fungsinya amat besar bagi menambat hati dan merapatkan lagi keampuhan hubungan. Dalam hal ini, ia mendatangkan kesan positif dalam proses berkaitan jiwa dan keharmonian hubungan akan terjadi di antara si pemberi dan si penerima hadiah. Pemberian hadiah adalah jalan terbaik untuk menghindari perselisihan atau pertengkaran yang mungkin terjadi di antara mereka. Justeru, dengan pemberian hadiah tidak diragukan lagi bahawa persahabatan,

⁴⁰ Yayasan Islam Terengganu, <http://yit.gov.my/content/view/21/27,HakciptaTerpelihara> 2010©Yayasanislam Terengganu. 21/04/2010.

⁴¹*Ibid*, h. 226.

keharmonian dan kedamaian dapat mendominasi hubungan di antara mereka.⁴² Hal ini amat berperanan untuk meningkat dan menjayakan lagi usaha-usaha dakwah kepada saudara baru.

h. Dakwah Melalui Organisasi

Islam menggalakkan umatnya melaksanakan dakwah secara organisasi iaitu berkumpul kerana ia lebih mantap dan berkesan jika dibandingkan dakwah secara individu.⁴³ Dakwah secara organisasi juga, berperanan luas dan berupaya bertindak menerapkan nilai-nilai Islam sekiranya mendapat kerjasama secara bersepadu daripada semua pihak dalam proses de-Islamisasi membuka ruang akal fikiran dan bersifat keterbukaan yang lebih komprehensif supaya dapat melaksanakannya secara berkesan serta dapat mencipta satu inovasi baru untuk peningkatan dakwah dalam konteks aliran semasa bagi bersaing dengan cabaran-cabaran baru yang masuk dari pelbagai sudut.⁴⁴

Menurut Hamka, dakwah harus menjadi gerakan bersama dalam kalangan umat Islam iaitu satu kumpulan untuk lebih berjaya. Jika sebaliknya, maka kemungkarannya akan lebih berjaya dari yang makruf, bahkan masyarakat tidak berani mengatakan Islam adalah sebagai agama kebenaran yang datangnya dari Allah SWT melainkan mereka berdiam diri.⁴⁵ Dari keterangan di atas, jelas menunjukkan bahawa dakwah secara organisasi atau berkumpul lebih diutamakan kerana ia bersistematik dan amat berkesan jika dibandingkan dakwah secara individu terhadap sasarannya.

⁴²DPD Wahdah Islamiyah Makassar (2011), *Mengirim Hadiah*, Makassar: Penerbit Wimakassar, h. 1-3.

⁴³Lihat Ab. Aziz Mohd Zain (2001), h. 12.

⁴⁴Ab. Ghafar Don dan Zaleha Mohd Ali (2008), *Dakwah Dan Cabaran Islam De-Islamisasi*, Shah Alam: Penerbit Karisma Publication Sdn. Bhd., h. 114-115.

⁴⁵Hamka (1984), *Prinsip Dan Kebijaksanaan Dakwah Islam*. Jakarta: Pustaka Panjimas. h. 47.

2.5 Faktor-faktor Pemeluk Islam Dalam Kalangan Saudara Baru

Allah SWT bersifat kekuasaan dan berkehendak,⁴⁶ jika ia menghendaki seseorang itu menjadi sebahagian dari umat Islam maka tiada ada sesuatu pun dapat menghalangNya. Inilah yang dikatakan hidayah, yang membuka hati seseorang untuk menerima Islam. Hidayah dan petunjuk, datang dari pelbagai cara dan bentuk. Ada kalanya ia datang dari luar jangkauan akal fikiran yang rasional. Ini kerana kehebatan Islam yang mampu menarik perhatian masyarakat *non-Muslim* untuk mendekati Islam dan menghayatinya. Islam juga menuntut seluruh umatnya agar menjaga hubungan baik dengan masyarakat *non-Muslim* supaya menjadi teladan yang baik untuk membuka mata mereka ke arah menerima Islam.⁴⁷

Justeru itu, umat Islam harus kembali kepada ajaran Islam yang mengamalkan segala suruhan Allah SWT melalui contoh-contoh yang kita tonjolkan hasil dari penerapan nilai murni Islam yang dijadikan amalan seharian akan dapat memberi gambaran kepada masyarakat *non-Muslim* betapa indah dan sempurnanya Islam ini kerana Islam menjamin kehidupan manusia di dunia dan akhirat.⁴⁸ Ia merupakan satu-satu agama yang diredai oleh Allah SWT kepada sekalian hambaNya. Ini telah dinyatakan oleh Allah SWT di dalam firmanNya;

إِنَّ الدِّينَ عِنْدَ اللَّهِ الْإِسْلَامُ

Ertinya: *Sesungguhnya agama (yang benar dan diredhai) di sisi Allah SWT ialah Islam.*

Terjemahan surah Ali-Imrān (3): 19.

⁴⁶Daud Abdullah (1967), *Al-Darul al-Thamīn*, c. 3, Pattani: Penerbit Maktabah Maṭba‘ah Darul Ma‘rif, h. 27.

⁴⁷Fariza Md. Sham *et. al* (2004), *op. cit.*, h. 119.

⁴⁸Ismā‘īl al-Faruqī (2008), *Islam dan Kepercayaan Lain*, Zulkiple Ab. Ghani (Tej.), Kuala Lumpur: Penerbit Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad, h. 153-154.

Ayat ini menyatakan tiada suatu pun dapat menyangkal bahawasanya hanya Islam sahaja agama yang diredai oleh Allah SWT. Ianya dikukuhkan lagi dengan firman Allah SWT;

وَرَضِيتُ لَكُمْ الْإِسْلَامَ دِينًا

Ertinya: *Dan telah ku redai Islam itu menjadi agama untuk kamu.*

Terjemahan surah al-Maidah (5):3.

Memandangkan Islam ialah agama yang ditetapkan oleh Allah SWT bagi sekalian makhluk, sudah tentu ia mempunyai keistimewaan yang tiada bandingan dengan mana-mana agama yang terdapat di atas muka bumi ini, dengan erti kata lain ia merupakan agama yang paling sempurna dan lengkap mencakupi semua aspek.⁴⁹

Oleh demikian, kajian ini mengenal pasti beberapa faktor-faktor utama yang dapat mendorong pemeluk Islam dalam kalangan saudara baru adalah seperti berikut:

2.5.1 Kesan Pergaulan Dengan Masyarakat Islam

Menurut *Kamus Dewan*, masyarakat ialah kumpulan manusia yang hidup bersama.⁵⁰ Manakala dalam Bahasa Inggeris pula, masyarakat merujuk kepada terjemahan perkataan *society*. *Active Study Dictionnary* mendefinisikan *society* sebagai suatu kumpulan manusia yang besar yang berkongsi budaya, undang-undang

⁴⁹Mahmmed Jamil Zeeno (2001), *Bimbingan Islam Untuk Individu dan Masyarakat*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Iman, h. 263.

⁵⁰*Kamus Dewan* (2005), *op. cit.*, h. 1004.

dan sebagainya.⁵¹ Manakala menurut bahasa Arab, ia adalah terjemahan dari perkataan *mujtama'*. *Munjid al-Tullāb* menjelaskan *mujtama'* ialah kumpulan manusia di mana mereka merendahkan diri dan patuh kepada undang-undang dan peraturan.⁵²

Berdasarkan huraian di atas, pengkaji mendapati bahawa pengertian masyarakat yang dibawakan oleh semua kamus tersebut sesuai untuk mendefinisikan apa itu masyarakat dan mengaitkan masyarakat dengan wujudnya kumpulan manusia yang terdapat di dalamnya undang-undang dan peraturan tertentu. Kewujudan masyarakat Islam terus berkembang dan mekar di atas muka bumi ini, kerana masyarakat tersebut sebagai pendukung agama Allah SWT sebagaimana dijelaskan melalui firmanNya;

أُولَئِكَ لَا حِزْبَ اللَّهِ ۚ أَلَا إِنَّ حِزْبَ اللَّهِ هُمُ الْمُفْلِحُونَ

Ertinya: *Mereka lah penyokong-penyokong (agama) Allah SWT. Ketahuilah! Sesungguhnya penyokong-penyokong (agama) Allah itu ialah orang-orang yang berjaya.*

Terjemahan surah al-Mujādalah (58): 22.

Berdasarkan huraian di atas, dapat difahami bahawa masyarakat Islam adalah sebuah masyarakat yang perlu ditegakkan kerana ia merupakan sebuah masyarakat yang bertindak sebagai pelaksana dan pengembang kepada ajaran Islam. Adapun masyarakat, ia hanya ditegakkan atas dasar persaudaraan umat manusia. Keterangan

⁵¹Active Study Dictionary (1985), *Active Study Dictionary*, Essex: Longman Group Limited, h. 528.

⁵²Fu'ād Ifram al-Bustānī (1941), *Munjid al-Ṭullāb*, Beirut: Dār al-Musyrīq, h. 410.

di atas, jelas menunjukkan bahawa dasar itulah Islam menghapuskan sistem kasta yang merendahkan maruah dan kedudukan manusia.⁵³

Demikian lagi di dalam masyarakat Islam, setiap orang mempunyai kedudukan yang sama dalam pergaulan dengan orang lain. Ini kerana, Islam telah menetapkan setiap manusia adalah dari satu jenis dan keturunan.⁵⁴ Oleh demikian, Islam mempunyai suatu sikap persamaan yang sangat sesuai dengan tabiat keislaman sebagai suatu agama untuk penduduk seluruh alam, tanpa mengira warna kulit dan bangsa serta berkasih sayang satu sama lain yang berterusan.⁵⁵

Hal ini jelas menunjukkan keindahan yang terdapat masyarakat Islam hingga menjadi faktor yang mendorong kemasukan masyarakat *non-Muslim* ke dalam Islam, antaranya pergaulan dengan masyarakat Melayu yang bermula sejak kecil lagi dan hubungan terjalin di antara mereka begitu mesra dan rapat sehingga masyarakat tersebut tertarik dengan cara kehidupan masyarakat Melayu yang mengamalkan cara hidup rukun tetangga, bekerjasama, saling bantu-membantu di antara satu sama lain melalui kerja-kerja gotong-royong, kenduri-kendara, kematian dan lain-lain lagi.⁵⁶ Misalnya Dr. Ridzuan Tee Abdullah dan adiknya Ahmad Borhan Tee Abdullah yang telah mendorong mereka menganut agama Islam kerana kesan dari pergaulan dengan masyarakat Melayu. Hal ini, telah dinyatakan dalam kajian tesis “Saudara Baru di Kelantan”.⁵⁷

⁵³Muhammad Ab. Allāh al-Khaṭīb (t.t), *Khasā'is al-Mujtama' al-Islāmī*, T. Tp: Daral-Tawzi' wa Nasyr al-Islāmiyyah, h.147.

⁵⁴ *Ibid.*

⁵⁵ Ismā'īl al-Faruqī (2008), *op. cit.*, h. 137.

⁵⁶ Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim di Pejabat Unit Saudara Baru JAWI. Beliau adalah Penolong Pengarah Bahagian Aktiviti, Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim, Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), jam 11:30 pagi, pada 13 Mei 2009.

⁵⁷ Tg. Norhayati Tg. Hamzah (2006), *Saudara baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran di Kota Baharu Kelantan*, kajian tesis Universiti Malaya, h. 58.

Kesimpulannya, faktor pergaulan baik dengan masyarakat *non-Muslim* membuktikan ia adalah sangat penting kerana faktor ini adalah salah satu langkah dakwah untuk memperkenalkan keindahan tamadun Islam dan menunjukkan contoh-contoh yang baik serta mempamerkan kesempurnaan Islam kepada mereka.

2.5.2 Hasil Pembacaan

Gerakan intelektual umat Islam dimulai dengan kebangkitan Nabi Muḥammad SAW yang dilantik menjadi Rasul (utusan Allah SWT) pada tahun 610M dan penurunan al-Quran sebagai panduan dan pegangan hidup. Oleh demikian, asas yang melatari kemunculan peradaban keilmuan Islam sememangnya telah terkandung dalam sumber asli ajaran Islam itu sendiri serta keterbukaannya untuk menyerap dan mengambil segala anasir asing yang tidak bercanggah dengan ajarannya.⁵⁸

Dalam hal ini, *Sayyed Hossein Nasr* menegaskan bahawa sumber tamadun keilmuan Islam adalah seperti:⁵⁹

- i. Kekuatan ajaran Islam sendiri yang bersumberkan al-Quran dan al-Sunnah Nabi Muḥammad SAW.
- ii. Tamadun-tamadun yang bersentuhan dan yang bertembung dengan kebangkitan Islam serta tidak bercanggah dengan prinsip-prinsip Islam.

Hal ini tidak diragui lagi, bahawa akar umbi tamadun Islam serta evolusi pembentukan sains Islam di sekitar seratus tahun pertama Hijrah mempunyai hubungan dengan ajaran-ajaran murni Islam. Al-Quran dan al-Sunnah yang sarat dengan rujukan

⁵⁸Madkūr Ibrāhīm (1954), *Durūs fī Tārīkh al-Falāsafah*, al-Qāhīrah: Maṭba'ah Madkūr, h. 5455.

⁵⁹Nasr. SH. (1984), *Science and Civilization in Islam* (Edisi Malaysia), Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Pustaka Fajar, h. 21.

di antaranya menggesa umat Islam supaya menuntut ilmu, mempelajari bidang kemahiran, mengamati segala anasir alam dan menganjurkan aktiviti-aktiviti kebajikan dalam bentuk ilmiah supaya dapat mengambil manfaatnya serta meluaskan buah fikiran.⁶⁰ Bahkan ilmu merupakan satu konsep yang amat penting ia ditekan oleh kebanyakan masyarakat di dunia ini khususnya untuk mencapai kecemerlangan dalam pembangunan dan ketamadunan ummah.⁶¹

Menurut al-Ghazālī ilmu adalah hakikat semua perkara. Ilmu juga adalah pengetahuan yang tidak dapat diragui atau ‘ilm al-Yaqīn.⁶² Jelasnya lagi, ilmu merupakan keupayaan membuat menyeluruh, kefahaman terhadap idea-idea abstrak (*ma‘nawī*) dan kemampuan untuk memperoleh kebenaran.⁶³ Bagaimanapun, dalam penerimaan terhadap kepentingan ilmu adalah sesuatu yang universal, sesuatu masyarakat haruslah mempunyai fahaman atau pandangan tersendiri terhadap konsep tersebut. Fahaman atau pandangan itu pula akan membawa kepada pandangan hidup serta perlakuan mereka.⁶⁴

Adapun bahan bacaan, merupakan alat sebaran ilmu pengetahuan yang sangat penting dalam kehidupan manusia masa kini. Pada masa ini terdapat ramai penulis dan pengkaji yang mampu menghasilkan bahan bacaan yang bermanfaat kepada sesiapa yang ingin mendapat maklumat sama ada dari sudut agama, sains, fizik, ekonomi, matematik dan lain-lain lagi. Bahan bacaan yang berkualiti mudah untuk didapati di pasaran kerana telah ramai para cendekiawan Islam yang mampu menghasilkan bahan bacaan yang bermutu tinggi. Maka dengan faktor ini juga banyak dalam kalangan saudara baru yang memeluk Islam disebabkan tertarik dan kagum dengan Islam

⁶⁰Sardar Ziauddin (1989), *Explorations in Islamic Science*, Landon & New York: Mansell Publishing Limited, h. 11.

⁶¹Fadzlullah Shuib (1994), *Penginstitutionan Ilmu*, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, h. 43.

⁶²Al-Ghazālī, Abū Ḥamid (1972), *al-Munqidh min al-dalāl*, disunting oleh Dr. Ab. al-Halīm Maḥmūd, al-Qahīrah: *Dār al-Kutub al-Hadīthah*, h. 92.

⁶³Al-Ghazālī (1967), *Īhyā' ulūm al-dīn*, Juzu'1, al-Qahīrah: Muassasat al-Ḥalabī, h. 22-23.

⁶⁴Wan Md. Nor Wan Daud (1997), *Penjelasan Budaya Ilmu*, Kuala Lumpur: Penerbit Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 8.

melalui terpengaruh dengan bahan bacaan contohnya seperti buku-buku mengenai ekonomi Islam dan buku-buku menceritakan mengenai tokoh-tokoh Islam yang terkemuka seperti Imam al-Ghazālī, Ibnu Sīna, Ibnu al-Baiṭūtah, Dr. Waḥbah al-Zuḥaylī *Dr. Ramaḍhān al-Būṭī*, Dr Yūsuf al-Qaraḍāwī, Hamka dan lain-lain lagi.

2.5.3 Faktor Perkahwinan

Kebanyakan budaya di dunia mengiktiraf perkahwinan adalah sebagai satu ikatan sah yang menyatukan orang lelaki dengan perempuan. Perkahwinan dalam apa jua bentuk merupakan satu fenomena yang unit dan kompleks berdasarkan penyatuan sosioemosi, peribadi, agama dan juga budaya pasangan yang berkahwin. Kesejahteraan sesebuah perkahwinan boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti asas pemilihan pasangan, faktor ekonomi, keluarga, agama, budaya dan adat resam.⁶⁵

Perkahwinan adalah sebagai suatu institusi yang berperaturan seperti mana diiktiraf oleh Islam, bertujuan bukan semata-mata untuk menghalalkan perhubungan seks di antara lelaki dan perempuan atau bertujuan semata-mata memberi keseronokan badan, tetapi adalah bertujuan lebih penting lagi sebagai satu asas untuk menyambung zuriat melalui saluran yang betul seperti mana yang diredai oleh Allah SWT. An-nikāh adalah suatu institusi yang telah ditetapkan oleh Islam sebagai cara memelihara umat manusia dan menyelamatkannya daripada jatuh ke dalam jurang kejahatan, berzina dan berkelakuan tidak sopan.⁶⁶

Lahirnya institusi ini adalah sebagai menyahut naluri asal yang ada dalam kejadian makhluk-makhluk Allah SWT, sememangnya dicipta berpasang-pasangan oleh Allah SWT, di mana kecenderungan untuk memadu kasih sayang dan ingin hidup

⁶⁵Rozumah Baharudin (2003), *Perkahwinan Campur di Malaysia*, Selangor: Penerbit Universiti Putera Malaysia, h. 1.

⁶⁶Ab. Jalal Md. Hasan (1993), *Perkahwinan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit A. S. Noordeen, h. 17.

berteman di antara dua kelainan jenis yang wujud dari asal semula jadi dalam diri manusia yang normal dan juga makhluk-makhluk yang lain.⁶⁷

Islam amat menggalakkan perkahwinan dan perkara-perkara yang berhubung kait dengannya, hikmahnya adalah untuk menjalin ikatan kekeluargaan iaitu keluarga suami dan isteri bersatu untuk memperkuat ikatan kasih sayang antara satu sama lain kerana keluarga yang diikat dengan ikatan kasih sayang selain daripada pegangan agama adalah keluarga yang kukuh.⁶⁸

Faktor ini merupakan antara faktor yang mendorong saudara baru memeluk Islam. Menurut kajian-kajian lepas mendapati banyak dalam kalangan saudara baru yang memeluk Islam disebabkan ingin berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Faktor ini bukanlah suatu perkara yang baru, ini kerana menurut sejarah perkembangan Islam di Tanah Melayu, antara punca Islam tersebar adalah disebabkan faktor perkahwinan sama ada berlaku dalam kalangan pemerintah mahupun para pedagang Arab yang datang di Tanah Melayu untuk tujuan berniaga di samping itu mereka mendirikan rumah tangga dengan penduduk tempatan.⁶⁹

Begitu juga pada masa kini, ramai dalam kalangan saudara baru yang memeluk Islam kerana faktor ingin berkahwin dengan pasangan yang beragama Islam. Namun tidak dinafikan terdapat dalam kalangan mereka yang memeluk Islam dengan keinginan yang kuat untuk memeluk Islam dengan penuh keyakinan dan rela hati tanpa didorong sebab-sebab tertentu.

⁶⁷*Ibid.*

⁶⁸Ab. Aziz (1992), *Kursus dan Bimbingan Perkahwinan*, Kuala Lumpur: Penerbit Darul Naim, h. 6.

⁶⁹Mahayudin Yahaya (1998), *op. cit.*, h. 41.

Saudara baru yang memeluk Islam disebabkan faktor ini, maka haruslah pihak-pihak yang bertanggungjawab memberi tumpuan dan perhatian sepenuhnya kepada mereka, kerana pengislaman mereka kebanyakannya adalah bertujuan untuk kepentingan diri sendiri semata-mata. Mereka ini haruslah diawasi agar tidak mengambil jalan mudah dengan apa yang disyariatkan oleh Allah SWT di dalam Islam, ini kerana dikhuatiri setelah mendapat apa yang dihajati mereka telah tercapai dan tidak menghiraukan lagi perkara-perkara berkaitan dengan halal dan haram yang termaktub di dalam ajaran Islam kepada seluruh penganutnya.

2.5.4 Pencarian Sinar Hidup

Allah SWT telah menjadikan langit dan bumi serta mengaturkan segala urusan dunia dan akhirat dengan kekuasaan dan kehendakNya. Sesiapa yang diberikan petunjuk oleh Allah SWT, maka ia adalah orang yang beruntung, dan orang yang berbahagia adalah orang dilindungi oleh Allah SWT.⁷⁰ Justeru itu, Allah SWT menganugerahkan akal fikiran kepada manusia supaya dapat berfikir dan mengambil iktibar dengan sesuatu perkara melalui proses seperti pemerhatian, pengamatan dan pemahaman. Oleh demikian, pendekatan minda yang mendorong kepada pemikiran, pemerhatian dan pengambilan iktibar, amat sesuai digunakan dalam proses bimbingan kerana manusia memang mempunyai potensi untuk berubah kepada kebaikan dengan akal yang dianugerahkan kepadanya.⁷¹

Akal akan menjadi sendi kemenangan dalam pertarungan jiwa sekiranya akal itu dapat melihat, mengetahui sesuatu, dapat membezakan sesuatu dan dapat menyedut sesuatu daripada ilmu yang akan digunakan untuk mencapai tempat yang hampir dengan

⁷⁰Ab. Halim Shalih (2006), *Keagungan Allah*, Kuala Lumpur: Penerbit al-Hidayah Publishers, h.120.

⁷¹Fariza Md. Sham *et. al* (2006), *op. cit.*, h. 70.

Allah SWT, mengetahui kekuatan dan kebesarannya melalui ajaran Islam.⁷² Ini kerana Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah SWT lebih layak untuk menyusun urusan kehidupan manusia dan memimpinnya dari pelbagai aspek. Islam juga adalah satu-satunya manhaj tunggal yang sesuai dengan tuntutan fitrah dan agama yang menyelaraskan antara tuntutan rohani dan jasmani manusia.⁷³

Oleh demikian, Islam adalah agama yang indah dan sempurna sehingga membuatkan banyak dalam kalangan masyarakat *non-Muslim* jatuh hati dan terpicat untuk memeluk Islam, hal ini adalah disebabkan wujudnya perasaan di dalam jiwa mereka ingin mencari kebenaran dalam kehidupan kerana dirasakan pegangan agama ketika itu langsung tidak bersesuaian dengan jiwa, bahkan jiwa sentiasa memberontak di dalam sanubari sehingga merasakan bahawa agama yang dianuti oleh nenek moyang tidak logik sama sekali.⁷⁴

Demi mencari jawapan kebenaran (sinar hidup) dan kepastian di alam yang penuh dengan pelbagai pancaroba yang terdiri daripada berbagai-bagai spesies ini, ia menimbulkan pelbagai persoalan yang bermain di dalam minda. Justeru itu, setelah dikaji dan dijelaskan mengenai kebenaran Islam serta kesempurnaannya maka tidak dapat menyangkal bahawa Islam adalah agama yang sebenar yang dicari-cari selama ini.⁷⁵

Kesempurnaan Islam tidak dapat dinafikan lagi, kerana telah nyata kebenarannya maka dengan rela hati golongan tersebut memeluk Islam. Maka segala persoalan telah

⁷²Alias Othman (1983), *Apa Ertinya Saya Menganut Islam*, Kuala Lumpur: Penerbit Pustaka Salam, h. 82.

⁷³*Ibid.*, h. 92.

⁷⁴Temu bual dengan Md. Isa Abdullah, jam 11: 00 pagi, pada 16 September 2010. Beliau berketurunan India yang berasal dari Cheras, Kuala Lumpur dan masih menetap di tempat tersebut. Beliau memeluk Islam pada tahun 1984 kerana mendapati Islam adalah agama yang sebenar. Kemudian disusuli isteri dan semua anak-anaknya seramai tiga orang.

⁷⁵*Ibid.*

terjawab dan di situlah keyakinan mereka terhadap Islam menjadi utuh dan teguh serta yakin hanya Islam sahaja satu-satunya agama yang mampu memberi ketenangan dan menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat. Kehidupan mereka kini mempunyai matlamat yang jelas, sinar hidup yang dicari-cari selama ini telah terbukti dengan menganutnya agama Islam iaitu agama yang diredai oleh Allah SWT di dunia dan akhirat.

2.5.5 Hidayah Melalui Mimpi

Faktor ini dapat mendorong saudara baru memilih Islam melalui hidayah dan petunjuk daripada Allah SWT. Tanpa hidayah daripadanya seseorang itu tidak akan terbuka pintu hatinya untuk menerima akidah Islam sebagai pegangan hidup. Adapun bagi mereka yang mendapat hidayah dan petunjuk melalui mimpi, maka mereka memilih Islam sebagai pegangan hidup dengan penuh kerelaan hati tanpa dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh dan kepentingan tertentu.⁷⁶

Mereka juga lebih bersedia untuk berusaha membentuk diri mereka menjadi seorang Muslim berkualiti. Oleh demikian, hanya terdapat segelintir sahaja dalam kalangan mereka yang memperoleh hidayah melalui mimpi, kerana hanya orang-orang yang tertentu sahaja mendapat keistimewaan seperti ini.⁷⁷

Walaupun begitu, ia bukanlah satu perkara yang mustahil kerana Allah SWT bersifat dengan *irādah* iaitu berkehendak maka sesiapa yang dihendakiNya mendapat hidayah dan petunjuk dengan apa cara sekalipun, demikian juga jika Allah SWT ingin menutup pintu hati seseorang dari mendapat hidayah maka ia pasti berlaku tanpa ada sebarang halangan. Adapun mimpi adalah merupakan salah satu tanda kebesaran

⁷⁶Fariza Md. Sham *et. al* (2006), *op. cit.*, h. 110

⁷⁷*Ibid.*, h. 119.

Allah SWT, kekuatan Islam dan pertolongan dari Allah SWT selepas wahyu hanya orang-orang tertentu sahaja yang mendapat hidayah seperti ini. Ia sudah cukup untuk membuktikan kekuasaan Allah SWT yang mampu melakukan apa sahaja yang dikehendakiNya.⁷⁸

Namun begitu, kesemua faktor yang telah mendorong saudara baru memeluk agama Islam hanya penyebab sahaja bahkan yang paling utama ialah hidayah dari Allah SWT. Justeru, tanpa hidayah daripadaNya tidak mungkin mereka semua terbuka hati untuk memeluk Islam. Sesungguhnya Allah SWT membuat apa yang dikehendakiNya dan hanya Ia sahaja yang berkuasa di atas sesuatu.

2.5.6 Kepentingan Peribadi

Terdapat dalam kalangan saudara baru yang memeluk Islam disebabkan faktor ini. Walaupun mereka sudah memeluk Islam, namun mereka masih mengamalkan adat kepercayaan agama asal mereka yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti meminum arak, memakai tangkal, menyembah berhala, melakukan perkara-perkara khurafat dan lain-lain lagi. Mereka juga tidak berminat untuk mendekati ajaran Islam dan program-program yang disediakan untuk mereka seperti kelas pengajian al-Quran, fardu ain dan lain-lain lagi.⁷⁹

Bagi golongan tersebut, kebanyakan mereka mempunyai sebab-sebab seperti berikut:⁸⁰

⁷⁸*Ibid.*

⁷⁹Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff di JAWI, jam 11:30 pagi, pada 21 Januari 2009. Beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru JAWI dari tahun 2006 hingga akhir November (2010), di sebabkan umur melebihi 60 tahun. Beliau ditugaskan sebagai kaunselor, fasilitator dalam aktiviti pengisian ilmu dan aktiviti kebajikan.

⁸⁰*Ibid.*

- i. Supaya memudahkan urusan untuk mendapatkan kerakyatan, ini sudah terbukti kerana banyak dalam kalangan saudara baru datang ke Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JAWI) untuk mendapatkan surat sokongan bagi permohonan kewarganegaraan.
- ii. Terdapat dalam kalangan saudara baru untuk mendapat sumbangan dan pertolongan dari masyarakat Islam yang sedia ada.
- iii. Untuk melicinkan urusan perniagaan dengan masyarakat Islam khususnya orang Melayu.
- iv. Bagi kepentingan masa depan keluarga dan anak cucu. Sekiranya mereka dapat hak kerakyatan kehidupan mereka di masa akan datang lebih terjamin dan mendapat hak keistimewaan seperti orang Melayu dan bumiputera yang lain.
- v. Supaya memudahkan urusan menukarkan kad pengenalan daripada merah ke biru kerana dengan adanya kad tersebut mereka beranggapan akan melancarkan segala urusan untuk memiliki tanah, lesen perniagaan, keistimewaan kewarganegaraan, permit teksi dan lain-lain lagi.
- vi. Terdapat dalam kalangan saudara baru yang mengambil kesempatan untuk melepaskan diri daripada tindakan undang-undang kerana melakukan kesalahan dan jenayah. Mereka beranggapan, apabila memeluk Islam adalah berlaku proses penukaran nama dan maklumat pengenalan diri. Secara tidak langsung identiti asal mereka hilang dan ini menyukarkan pihak berkuasa polis dan pihak-pihak tertentu untuk mengesan mereka.

Saudara baru yang memeluk Islam atas faktor ini, tidak boleh dipandang ringan kerana ia boleh mendatangkan kesan negatif yang amat besar kepada masyarakat Islam kerana mereka mudah meninggalkan Islam (murtad) tanpa ragu-ragu sekiranya tidak dapat apa yang dihajati.

Murtad adalah masalah yang sangat besar, tidak boleh pandang ringan sama sekali kerana para jumbuh ulama bersependapat bahawa wajib dihukum bunuh bagi orang yang murtad.⁸¹ Dalam hal ini Islam tidak pernah memaksa seseorang memeluk Islam dengan memaksa keluar dari agama asal, kerana pengakuan seseorang yang menganut Islam adalah pilihan sendiri yang keluar dari hati. Oleh demikian, Islam melarang seseorang yang masuk dan keluar agama Islam sesuka hati sebagaimana yang dilakukan oleh orang-orang Yahudi seperti yang dijelaskan dalam al-Quran, surah al-Baqarah (2): 76; Ali-Imran (3, 4): 72, 86, 119.

Kesimpulannya, saudara baru yang memeluk Islam disebabkan faktor kepentingan peribadi haruslah diberi perhatian sepenuhnya oleh institusi dakwah yang bertanggungjawab kerana golongan ini perlu diberi kaunseling, tunjuk ajar, bimbingan dan sebagainya untuk menyedar serta meyakinkan mereka bahawa Islam adalah agama sebenar yang diturunkan oleh Allah SWT melalui Nabi Muhammad SAW yang menjanjikan balasan baik untuk orang beriman, seksaan bagi orang yang ingkar dan lain-lain lagi.

2.5.7 Dorongan Keluarga

Setiap insan inginkan kebahagiaan dan ketenteraman hidup berkeluarga kerana hanya dalam keluarga terdapat hubungan yang paling dekat dan rapat. Malah hubungan

⁸¹ Yūsuf al-Qarāḍāwī (2000), *Ciri-ciri Unggul Masyarakat Islam Kita Idamkan*, Muhammad Zain Yahya (terj.), Kuala Lumpur: Penerbit Seribu Sinar, h. 48.

kekeluargaanlah satu-satunya hubungan pertalian yang berterusan, malah sengketa dan kekecohan dalam keluarga akan menyebabkan seseorang itu berasa tidak tenteram, bahkan ada yang sengsara kerana ia terpaksa sentiasa berfikir dan berusaha untuk mengatasi ketegangan batin yang timbul akibat sengketa dan kekecohan itu.⁸²

Oleh yang demikian, Islam telah menetapkan cara atau panduan yang perlu dipatuhi dalam hidup berkeluarga. Islam juga telah menetapkan peraturan, kewajipan, tanggungjawab, peranan dan hak berkeluarga bagi setiap individu Muslim dalam kehidupan rumah tangga selain daripada hukum-hakam yang perlu dipatuhi oleh setiap individu tersebut kerana Islam adalah agama lengkap dalam mengatur kehidupan umatnya dari pelbagai sudut dan aspek.⁸³

Justeru, faktor ini amat penting dan merupakan pendorong kepada saudara baru yang memeluk Islam bersama ibu bapa serta keluarga terutamanya dari kalangan mereka yang masih di bawah lingkungan umur 18 tahun kerana mereka masih berada di bawah pengawasan ibu bapa dan lebih terdorong untuk mengikut setiap gerak geri keluarga. Bagi golongan ini, mereka kurang memberi masalah kepada mana-mana institusi dakwah yang terlibat dan berperanan terhadap saudara baru kerana mereka sekeluarga boleh mengikuti semua aktiviti dakwah tanpa sebarang halangan dan lebih senang untuk menghayati dan mengamalkan pengisiannya kerana ia merupakan tuntutan bagi seluruh ahli keluarga.⁸⁴

⁸² Ab. Aziz Md. Yusof (1993), *Panduan Komprehensif Kebahagiaan Keluarga Mukmin*, Kuala Lumpur: Penerbit Gazzara Sdn. Bhd. h. 1.

⁸³ *Ibid*, h. 2.

⁸⁴ Temu bual dengan Ustaz Mohamad Ab. Rahman di JAWI, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009. Beliau adalah salah seorang Mubaligh Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI, berkhidmat dari 2001 hingga Disember 2009 di sebabkan umur melebihi 60 tahun. Beliau berpendidikan di Maahad al-Muhammadi tamat empat sanawiyah serta beberapa sekolah pondok yang terdapat di Kelantan termasuk pondok Pasir Tumbuh di Kubang Kerian. Beliau berpengalaman luas mengenai saudara baru dan menjadi tempat rujukan serta kaunselor.

Oleh demikian, terdapat dalam kalangan saudara baru disebabkan oleh kelahiran mereka dalam keadaan suasana keluarga mualaf atau saudara baru, situasi ini mendorong mereka untuk kekal dalam agama Islam yang dianuti oleh ibu bapa mereka. Sesungguhnya bagi mereka yang membesar dalam keadaan keluarga Islam adalah satu rahmat yang amat besar daripada Allah SWT.⁸⁵

Situasi ini membolehkan mereka hidup dalam keadaan tenang dan harmoni. Mereka haruslah bersyukur kepada Allah SWT kerana dilahirkan dalam sebuah keluarga Islam. Faktor ini juga telah mendorong mereka supaya berpegang teguh dengan agama Islam dan mengamalkan ajarannya sebagai cara hidup Islam buat selama-lamanya.

2.6 Masalah yang Dihadapi oleh Saudara Baru

Masalah bererti perkara atau keadaan yang boleh menimbulkan kesukaran atau kesulitan.⁸⁶ Dari aspek lain ia membawa maksud pertanyaan, urusan dan bicara, tekanan, kemusykilan, kesusahan, keraguan, kebimbangan, tekanan, kebuntuan dan halangan.⁸⁷

Bagi insan yang baru menganut Islam (saudara baru), mereka diumpamakan bayi yang baru dilahirkan yang belum mampu berdiri di atas kaki sendiri, tambahan pula dalam menjalani kehidupan yang baru pastinya berbeza dengan kehidupan mereka yang lalu. Dalam hal ini, mereka pastinya tidak dapat lari daripada menghadapi pelbagai masalah dan cabaran yang terpaksa diharungi demi menegakkan agama Islam sebagai pegangan hidup. Justeru, dalam konteks dakwah terhadap saudara baru beberapa

⁸⁵*Ibid.*

⁸⁶*Kamus Dewan* (2005), *op. cit.*, h. 1001.

⁸⁷Hj. Zainal Abidin Safarwan (1995), *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*, Kuala Lumpur: Penerbit Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd, h. 305.

masalah dapat dikenal pasti yang sering mengganggu proses kelancaran dakwah, antaranya adalah seperti berikut:

2.6.1 Berhadapan Tentangan Keluarga

Masalah utama yang harus ditempuhi oleh saudara baru setelah memeluk Islam adalah berhadapan tentangan daripada keluarga. Kebanyakan mereka menghadapi masalah ini kecuali mereka memeluk agama Islam bersama keluarga ataupun mereka adalah yatim piatu yang hidup sebatang kara iaitu tidak mempunyai saudara mara.⁸⁸

Bagi ibu bapa dan keluarga, mereka adalah yang paling dekat dengan saudara baru yang banyak membantu, menyara, membesarkan dalam keadaan kasih sayang adalah menjadi satu kesalahan yang sangat besar sekiranya anak didiknya bertukar ke agama lain, dengan itu mereka menganggap derhaka dan ingin memutuskan ikatan kekeluargaan serta tidak mengenang budi kedua ibu bapanya yang telah membesarkan dan mendidik mereka. Lantas segala hak keistimewaan yang disediakan oleh pihak keluarga mereka telah ditarik balik sama ada dari sumber kewangan, kenderaan atau pekerjaan (bagi yang bekerja dengan keluarga) dan lebih menyedihkan lagi dihalau keluar dari rumah, dibuang keluarga dan terdapat dalam kalangan saudara baru wanita yang tekanan akibat didera dari sudut mental dan fizikal.⁸⁹

Keadaan ini berlaku supaya saudara baru kembali ke agama asalnya. Oleh demikian, mereka amat memerlukan bantuan dan sokongan dari umat Islam bagi menghadapi masalah tersebut untuk menjadikan daya tahan yang kuat sama ada dari sudut mental dan fizikal dari pihak yang bertanggungjawab bagi mengatasi masalah

⁸⁸Temu bual dengan Khairunnisak Ab. Halim, jam 11:30 pagi, pada 13 Mei 2009.

⁸⁹Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

yang mereka hadapi. Ini disebabkan mereka amat memerlukan perhatian, dorongan dan bantuan supaya kekuatan dan keyakinan tumbuh dalam kehidupan mereka.⁹⁰

Kebanyakan saudara baru menghadapi situasi tersebut hanya bersifat sementara kerana akhirnya mereka akur dengan kehendak saudara baru setelah melihat keunikan Islam dan perubahan positif dengan akhlak yang terpuji dan sikap menghormati kedua-dua ibu bapa walaupun berlainan agama, ini menjadikan perasaan rasa marah mereka makin menurun dan luntur terhadap tindakan menukar agama yang telah dilakukan oleh anak mereka (saudara baru) malah ada yang menerima kenyataan dengan agama yang dipilih oleh anaknya.⁹¹

Kesimpulannya, saudara baru yang berhadapan dengan tentangan keluarga haruslah merujuk kepada mana-mana institusi dakwah berdekatan kerana masalah yang mereka hadapi akan dibantu, dirungkai, dikaunselor dan diselesaikan oleh institusi dakwah tersebut supaya masalah ini tidak menjadi bebanan kepadanya berlarutan.

2.6.2 Salah Tanggapan Masyarakat Islam

Wujudnya pandangan negatif dan prejudis daripada masyarakat Islam terhadap saudara baru adalah merupakan masalah dan cabaran yang telah berakar umbi dalam konteks keislaman golongan tersebut. Pada peringkat awal pemeluk Islam, majoriti golongan ini menghadapi masalah dan cabaran demikian daripada masyarakat Islam sedia ada khususnya daripada masyarakat Melayu yang menganggap kemasukan Islam golongan ini adalah kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu. Selain itu, mereka juga dianggap sebagai orang Islam bukan kelas pertama. Demikian juga masalah lain yang terpaksa dihadapi ialah pandangan masyarakat tersebut yang mahu melihat

⁹⁰*Ibid.*

⁹¹*Ibid.*

mereka hidup dengan mengamalkan secara total amalan dan budaya Islam (termasuk juga amalan dan budaya Melayu).⁹²

Sekiranya saudara baru mampu hidup seperti orang Melayu, mereka dengan senang akan diterima oleh golongan tersebut. Masalah ini hanya boleh diatasi dengan memberi pemahaman kepada seluruh masyarakat Islam agar dapat menerima mereka seadanya dan membuang tanggapan bahawa memeluk Islam merupakan masuk Melayu. Oleh demikian, masyarakat Islam harus menerima mereka seadanya selagi amalan mereka tidak menyalahi hukum-hakam yang telah ditetapkan dalam Islam.⁹³

Justeru itu, masyarakat Islam tidak boleh terlalu mengharapkan perubahan drastik dari mereka setelah menganut Islam. Ini kerana bukan mudah untuk mengubah sesuatu yang telah menjadi darah daging dan memerlukan pengorbanan yang cukup besar oleh mereka. Sebagai masyarakat Islam, kita sepatutnya memberi dorongan dan semangat kepada mereka untuk berubah bukannya bertindak menambahkan lagi bebanan kepada mereka dengan memberikan pelbagai tekanan melalui salah tanggapan kita terhadap pengislaman mereka.⁹⁴

Kesimpulannya, kehadiran saudara baru perlu disambut penuh kegembiraan dengan tangan yang terbuka tetapi sebaliknya yang berlaku di mana masyarakat Islam bukan sahaja gagal menghulurkan bantuan bahkan lebih banyak timbul tekanan kepada golongan tersebut. Jika kita saling bantu-membantu serta bersifat terbuka nescaya masyarakat *non-Muslim* tidak akan menentang atau memandang serong terhadap Islam kerana mereka faham mengenai Islam serta keindahannya melalui contoh yang baik yang ditunjukkan masyarakat Islam sedia ada.

⁹²Shah Kirit Kalulai Govindji, Berita Minggu, Ruangan Rencana, ahad, 25 Mei 2005, h. 24.

⁹³Ridhuan Tee 'Abdullah (Naib President MACMA Malaysia), Berita Harian, Ruangan Agama, isnin, 4 Julai 2005, h. 12.

⁹⁴*Ibid.*

2.6.3 Pekerjaan

Fenomena ekonomi global yang tidak menentu, turut memberi kesan kepada saudara baru untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan sama ada dalam sektor kerajaan ataupun swasta bagi menyara hidup.⁹⁵ Tambahan lagi, bagi mereka yang terpaksa berhenti kerja kerana sebelum ini mereka bekerja tempat yang diharamkan oleh Islam seperti kasino, bar, sport toto, kilang arak dan lain-lain lagi.

Fenomena ini, telah menyukarkan saudara baru untuk mendapatkan pekerjaan baru yang bersesuaian dengan kehendak Islam. Perkara ini telah memberi satu tekanan dan tamparan yang cukup berat kepada mereka terutamanya bagi yang sudah berkeluarga serta mempunyai tanggungan yang banyak. Namun, keadaan ini tidak boleh dibiarkan berlarutan kerana ia akan merumitkan lagi keadaan tersebut, maka perlulah bagi pihak-pihak yang bertanggungjawab mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk membantu meringankan bebanan yang dipikul oleh mereka.⁹⁶

Hal ini juga bukan sahaja menimpa mereka bahkan dirasakan oleh seluruh penduduk di Malaysia. Situasi ini boleh dilihat dengan jelas dan terang, berapa ramai siswazah-siswazah lepasan dari Institut Pengajian Tinggi Awam/Swasta yang menganggur. Keadaan ini merumitkan lagi kerana terdapat persaingan dan memberi tamparan hebat kepada saudara baru untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan kerana kebanyakan mereka tidak mempunyai kelulusan yang tinggi dalam bidang pendidikan dan kemahiran. Faktor ini juga turut memberi tekanan kepada mereka

⁹⁵Bank Negara Malaysia, www.bnm.gov.my/files/publication/sme/bm/bab_1, h. 8, 13. 15/06/2010.

⁹⁶Temu bual dengan Johar Yasan di JAWI, jam 11: 00 pagi, pada 23 Ogos 2009. Beliau adalah seorang pendakwah (mubaligh) yang berkhidmat di Unit/Cawangan Saudara Baru/Muslim JAWI dari tahun 2008 hingga (2010).

walaupun mereka mendapat bantuan zakat dari Majlis Agama Islam Negeri, namun ia masih belum mencukupi bagi mereka yang mempunyai tanggungan yang banyak.⁹⁷

Dalam situasi demikian, saudara baru berhadapan fenomena ekonomi yang amat merumitkan dan tidak menentu, ia turut memberi kesan kepada mereka untuk mendapatkan peluang-peluang pekerjaan. Justeru, institusi dakwah yang bertanggungjawab ke atas golongan ini perlu menyahut seruan kerajaan bagi menarik minat mereka menceburi bidang perniagaan, pertanian dan kemahiran untuk mendapatkan pendapatan tidak hanya mengharapkan kerja dengan majikan. Bagi institusi yang bertanggungjawab harus memainkan peranan penting seperti menganjurkan kursus asas perniagaan, pertanian dan kemahiran serta memberi dorongan kepada mereka untuk terus berusaha supaya menjadi usahawan yang berjaya.

2.6.4 Pasangan hidup

Dalam institusi kekeluargaan iaitu pasangan hidup, penceraian merupakan masalah yang sangat rumit. Ia memberi tekanan yang cukup mendalam kepada saudara baru terutamanya dari golongan wanita. Ini kerana, penceraian yang berlaku boleh mendatangkan kehilangan tempat bergantung dan terpaksa mencari pendapatan sendiri untuk menyara hidup. Apa yang menyedihkan terdapat dalam kalangan mereka yang berkahwin dengan masyarakat Islam yang sedia ada kemudian diperlakukan sesuka hati seperti didera, diperhambakan, dipukul, tidak diberi nafkah, ditinggalkan tanpa berita, malah ada yang diceraikan begitu sahaja dan bermacam-macam lagi. Perkara sebegini

⁹⁷Temu bual dengan Amran Abdullah di PERKIM, jam 5:25 petang, pada 18 Oktober 2009. Beliau adalah pegawai Dakwah, Kebajikan & Kaunseling PERKIM.

tidak seharusnya berlaku kerana tanggungjawab terletak di atas bahu mereka untuk memberi perlindungan dan tunjuk ajar kepada saudara baru agar nasibnya terbelah.⁹⁸

Apabila berlakunya penceraian, ia memberi satu tekanan yang cukup mencabar kepada saudara baru terutama apabila mereka memperoleh cahaya mata hasil dari perkahwinan tersebut. Dalam hal ini kebiasaannya saudara baru perempuanlah yang menanggung akibat sekiranya si suami tidak mengambil tanggungjawab. Ini amat menyedihkan kerana ia terpaksa menanggung bebanan seorang diri sehingga tak mampu untuk menghadiri diri ke program-program ilmiah yang dianjurkan oleh institusi dakwah yang berkaitan.⁹⁹

Demikian lagi penceraian yang berlaku kepada mereka yang berkahwin campur sesama saudara baru. Hal ini terjadi berikutan pertembungan bahasa, budaya dan adat resam dalam kalangan mereka. Keadaan ini berlaku disebabkan mereka mengalami kesukaran untuk menyesuaikan diri di antara satu sama lain dan terdapat juga disebabkan masalah-masalah lain. Oleh demikian, hal ini haruslah dirujuk kepada pihak yang bertanggungjawab iaitu pegawai dakwah atau pendakwah yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah tersebut.¹⁰⁰

Dalam hal ini, terdapat masalah yang dihadapi oleh saudara baru yang sudah berkahwin ialah keengganan bagi satu pihak lagi untuk memeluk Islam maka kewajipan untuk bercerai dengan pasangan masing-masing yang enggan memeluk Islam untuk menyelamatkan akidah kerana perkahwinan tersebut dianggap tidak sah di dalam Islam.¹⁰¹ Hal ini haruslah diatasi secepat mungkin oleh pihak berkaitan kerana ia boleh

⁹⁸Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff, jam 11:30 pagi, pada 21 Januari 2009.

⁹⁹*Ibid.*

¹⁰⁰Temu bual dengan Johar Yasan, jam 11:00 pagi, pada 23 Ogos 2009.

¹⁰¹*Ibid.*

mendatangkan masalah atau gangguan dalam proses melaksanakan program-program dakwah terhadap golongan tersebut.

2.6.5 Kewangan

Masalah kewangan tidak boleh dipandang ringan dan haruslah diberi perhatian sewajarnya oleh pihak yang bertanggungjawab dan masyarakat Islam sekeliling kerana saudara baru ialah insan yang baru mengenali Islam, amat memerlukan bantuan dan sokongan untuk meringankan bebanan kedaifan hidup mereka. Dalam hal ini, punca kedaifan yang dialami oleh mereka adalah disebabkan oleh beberapa perkara antaranya ialah:¹⁰²

- i. Saudara baru berpendapatan minima dan mempunyai tanggungan yang melebihi dari pendapatan yang diperoleh. Dalam keadaan ekonomi pada masa kini yang tidak menentu membuatkan taraf hidup mereka sentiasa meningkat hingga meninggalkan kesan yang buruk terhadap mereka yang berpendapatan hanya sekadar tersebut.
- ii. Faktor usia lanjut membuatkan saudara baru menjadi uzur seperti kurang penglihatan, pendengaran dan sebagainya serta menghadapi berbagai-bagai penyakit yang menghalang mereka mencari rezeki untuk keperluan harian.
- iii. Terdapat dalam kalangan saudara baru kurang upaya bekerja akibat daripada cacat panca indera seperti patah kaki, tiada penglihatan dan sebagainya sama ada sejak dilahirkan ataupun akibat musibah yang menimpanya. Mereka meneruskan kehidupan dengan mengharap belas ihsan dari keluarga dan masyarakat persekitaran serta bantuan zakat.

¹⁰²Temu bual dengan Md. Tahir Md. Yusoff, jam 11:30 pagi, pada 21 Januari 2009.

Kehidupan daif yang dihadapi oleh mereka haruslah ditangani dengan segera agar ia tidak tertekan dengan masalah yang dihadapinya selepas memeluk Islam. Ini kerana dikhuatiri mereka akan kembali kepada agama asal mereka kerana tidak tahan dengan ujian yang menimpa diri mereka. Tambahan pula ada yang mengambil kesempatan yang cuba memancing mereka dengan janji-janji manis seperti memberi bantuan kewangan, tempat tinggal, kemudahan dan lain-lain lagi agar dapat memujuk mereka supaya kembali ke agama asal atau agama-agama tertentu.¹⁰³

Oleh demikian, untuk memastikan situasi ini adalah amat sukar. Justeru, disarankan bagi pihak yang bertanggungjawab mewujudkan satu unit khas untuk memantau dan menjaga kebajikan mereka supaya masalah ini dapat diatasi dengan sebaik mungkin. Demikian lagi tanggungan mereka iaitu khusus anak-anak mereka yang tidak mempunyai pendapatan mencukupi bolehlah ditempatkan di rumah kebajikan masyarakat supaya anak-anak mereka tidak ketinggalan dan dapat pelajaran yang secukupnya. Begitu juga dengan mereka yang sudah lanjut usia dan tidak mempunyai sebarang waris hendaklah ditempatkan di rumah kebajikan orang tua supaya kehidupan mereka lebih terurus dan terjamin.

2.6.6 Gejala Sosial

Gejala sosial yang melanda masyarakat Islam pada masa kini secara berleluasa amat membimbangkan kerana ia turut menjejaskan pandangan masyarakat *non-Muslim* khususnya saudara baru terhadap masyarakat Islam yang sedia ada. Keadaan begini membuatkan dakwah Islam sukar berjaya dan menjadi satu cabaran sekiranya masyarakat Islam sering menunjukkan teladan yang tidak baik kepada mereka seolah-olah tidak ada perbezaan antara satu sama lain kerana perilaku yang ditunjukkan

¹⁰³*Ibid.*

adalah sama saja terutamanya dari sudut akhlak yang tidak bermoral seperti pakaian mendedahkan aurat, pergaulan bebas antara lelaki dengan perempuan, berjudi, minum arak, berzina dan sebagainya adalah perilaku yang tidak sihat.¹⁰⁴

Oleh demikian, gejala ini menjadi satu cabaran kepada saudara baru kerana apa yang dilihatnya adalah perilaku yang tiada bezanya dengan amalan-amalan masyarakat *non-Muslim*. Ini membuatkan mereka keliru dan sukar untuk memberi penjelasan mengenai kemurnian dan keindahan Islam kepada keluarga, saudara-mara dan rakan-rakannya. Namun, situasi ini tidak tergugat iman sekiranya mereka yakin dengan kebenaran Islam. Akan tetapi, sekiranya mereka memeluk Islam kerana kepentingan tertentu ia amat bermasalah kerana bukan senang untuk meninggalkan segala kehidupan (gejala sosial) yang pernah dilakukannya tambahan pula dilakukan oleh umat Islam.¹⁰⁵

Justeru, gejala sosial yang melanda masyarakat Islam pada masa kini secara berleluasa amat membimbangkan, jika keadaan ini berlarutan dakwah Islam pasti berhadapan jalan sukar kerana mereka menunjukkan seolah-olah tidak ada perbezaan antara satu sama lain dari segi perilaku yang tidak sihat, pemakaian dan sebagainya. Hal ini amat merumitkan, kerana bukan senang bagi saudara baru untuk meninggalkan segala kehidupan (gejala sosial) yang pernah dilakukannya tambahan pula dilakukan oleh umat Islam sedia ada. Oleh demikian, pihak yang bertanggungjawab (badan kerajaan) harus memainkan peranan yang sewajarnya untuk mengatasi masalah gejala sosial yang kian meruncing dan berleluasa di dalam masyarakat Islam pada masa kini.

¹⁰⁴Temu bual dengan Mohamad Ab. Rahman, jam 10:55 pagi, pada 20 Ogos 2009.

¹⁰⁵*Ibid.*

2.7 Saudara Baru & Undang-undang

Dalam konteks dakwah saudara baru di Malaysia undang-undang tidak dapat dipisahkan kerana setiap sesuatu perkara yang melibatkan umum adalah tertakluk di bawah perlembagaan persekutuan. Dalam perlembagaan Malaysia telah termaktub bahawa kebebasan diberi kepada rakyatnya untuk menganut mana-mana agama yang disukainya. Oleh demikian, setiap orang tidak boleh dipaksa menerima ajaran atau mengambil bahagian dalam upacara yang berkaitan dengan agama lain (sembahyang) seperti yang dinyatakan dalam perkara 12 (3).¹⁰⁶ Dalam artikel 12 (4) pula menyatakan bahawa seseorang yang berumur kurang daripada 18 tahun, agamanya adalah ditetapkan oleh ibu bapanya.¹⁰⁷

Bagi saudara baru yang berumur kurang dari 18 tahun, amat bermasalah jika ia memeluk Islam tanpa mendapat kebenaran atau persetujuan daripada ibu bapanya. Ini kerana ibu bapa saudara baru tersebut berhak mengambil kembali anak mereka dan memberi didikan menurut cara mereka berdasarkan Akta Jagaan Anak 1961. Menurut kepada akta-akta tersebut dapat dirumuskan bahawa *mu'allaf* atau saudara baru yang belum mencapai umur 18 tahun adalah tidak boleh menganut agama Islam dari sudut perlembagaan Malaysia kerana ia menjadi satu kesalahan jika ditentang oleh ibu bapa mereka dan dibawa ke mahkamah.

Dalam perkara ini juga, terdapat Akta 505 Pentadbiran Undang-undang Islam Wilayah Persekutuan menyatakan bahawa bagi seseorang yang masuk Islam adalah apabila dia sempurna akal dan mencapai umur 18 tahun atau jika belum berusia 18 tahun hendaklah mendapat keizinan daripada ibu bapa atau penjaganya. Akta ini,

¹⁰⁶Malaysia (1996), *Perlembagaan Persekutuan*, Kuala Lumpur: Penerbit International Low Book Services, h. 19.

¹⁰⁷*Ibid.*

di bawah Pentadbiran Undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 1993 yang memberikan peruntukan terhadap kaedah untuk memeluk Islam iaitu dalam seksyen 85, 86, 87, 88, 89, 90, 91, 92, 93, 94 dan 95.¹⁰⁸

Dalam perkara 85 (1) dan (2) menyatakan bahawa seseorang yang memeluk Islam maka hendaklah ia mengucap dua kalimah syahadah disebut dalam bahasa Arab dengan jelas dan sedar mengetahui akan maknanya. Maka jika seseorang itu bisu atau tidak boleh bercakap, maka memadai dengan memberi isyarat yang menunjukkan ia mengucap dua kalimah syahadah tersebut.¹⁰⁹

Demikian lagi pada seksyen 86 menyatakan bahawa jika seseorang itu sudah mengucap dua kalimah syahadah tersebut maka ia disebut sebagai *mu'allaf*. Adapun pada seksyen 89 menyatakan bahawa *mu'allaf* hendaklah melakukan pendaftaran sebagai *mu'allaf* kepada pendaftar yang telah dilantik oleh Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP). Seksyen 90 pula menjelaskan berkenaan dengan pendaftaran, hendaklah diberikan kepada setiap *mu'allaf* perakuan Islam dan perakuan ini menjadi bukti yang muktamad seseorang itu menganut agama Islam.¹¹⁰

Seksyen-seksyen berikut adalah menjadi panduan bagi pihak Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) untuk mengislamkan masyarakat *non-Muslim* yang ingin memeluk Islam. Oleh demikian, bagi pihak tersebut haruslah menyediakan borang permohonan *mu'allaf* untuk sesiapa yang ingin memeluk Islam, maka borang itu diisi oleh pemohon, kad perakuan memeluk Islam dan borang mengucap dua kalimah syahadah.

¹⁰⁸Wilayah Persekutuan (1993), h. 51

¹⁰⁹*Ibid.*

¹¹⁰*Ibid.*

2.8 Kesimpulan

Saudara baru sama ada kaum Cina, India, ataupun kaum-kaum lain sering dirujuk dan diistilahkan sebagai *mu'allaf* oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khususnya. *Mu'allaf* atau saudara baru diertikan sebagai orang yang baru memeluk Islam. Walau apa pun persepsi dan reaksi masyarakat terhadap golongan ini, yang nyata golongan ini adalah merupakan aset penting dalam konteks dakwah Islam di Malaysia secara amnya dan dalam masyarakat Muslim secara khususnya.

Merujuk kepada kemasukan masyarakat *non-Muslim* ke dalam Islam adalah dari pelbagai faktor yang mendorong mereka. Bagi golongan ini, mereka berhadapan dengan pelbagai masalah, cabaran dan kesulitan dalam kehidupan harian serta undang-undang yang tidak dapat dipisahkan kerana setiap sesuatu perkara yang melibatkan umum adalah tertakluk di bawah perlembagaan persekutuan.